

# DIASPORA RUMPUN MELAYU DI MUAR, JOHOR, MALAYSIA<sup>1</sup>

Dr. Mohd Akbal bin Abdullah<sup>2</sup>  
Dr Rafiuddin Afkari Abdul Fattah<sup>3</sup>

Pusat Penyelidikan Kelestarian Pembangunan Insan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[akbal@uthm.edu.my](mailto:akbal@uthm.edu.my)  
[rafiuddin@uthm.edu.my](mailto:rafiuddin@uthm.edu.my)

## ABSTRAK

*Kertas kerja ini cuba mendedahkan dan meneliti perilaku merantau dan serakkan petempatan rumpun Melayu di Muar. Merantau dan perantauan adalah dua elemen yang membina tradisi leluhur rumpun Melayu yang menyediakan kekuatan fizikal dan mental mereka. Walau bagaimanapun kajian ini tidak membicarakan aspek perantauan menyeluruh perantau Melayu. Pergerakan merantau di Alam Melayu tertumpu di beberapa wilayah pantai barat semenanjung sesuai dengan kedudukan dan keistimewaan Tanah Melayu berbanding wilayah lain di rantau kepulauan Melayu. Kajian ini menjelaskan pemikiran merantau, konsep perantau, zon perayauan mereka dan perkembangan lokaliti masyarakat dan petempatan perantau di daerah Muar. Perantau Melayu menjadikan daerah Muar sebagai destinasi dan Sungai Muar menjadi landmark kepada zon perayauan mereka. Kehadiran mereka telah memastikan Sungai Muar berfungsi sebagai pintu masuk utama perantau, khususnya dari Pulau Jawa dan Sumatera mudik jauh ke hulu Sungai Muar dan membentuk beberapa koloni di situ. Kemakmuran di hulu sungai Muar dan kesuburan pesisiran pantai Selat Melaka memungkinkan perkembangan pesat petempatan baharu dilakukan. Akhirnya, kajian ini mendapati penelitian terhadap perkembangan perantauan dan petempatan serta sosio ekonomi mampu menyumbang kepada pencerahan dan penjernihan kefahaman pergerakan dan hubungan di antara dua pesisir pantai Selat Melaka.*

## PENDAHULUAN

Kertas kerja ini adalah sambutan kepada seminar diaspora Melayu dan serentak dengan majlis deklarasi dan perisytiharan daerah kembar Siak Indrapura, Indonesia dengan daerah Dungun, Terengganu, Malaysia. Meskipun tumpuan umum seminar ini kepada

---

<sup>1</sup> Kertas kerja dibentangkan di Seminar Diaspora dan Deklarasi Daerah Kembar Siak dengan Dungun, Terengganu, di Siak, pada 15-17 November 2013, Pembentangan kertas kerja ini dibiayai oleh Peruntukan Pusat Penyelidikan Kelestarian Pembangunan Insan VOT CO55, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

<sup>2</sup> Ketua Pusat Penyelidikan Kelestarian Pembangunan Insan, Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Islam dan Sains Sosial, Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

deklarasi dua daerah kembar, iaitu Siak, Indonesia dengan Dungun, Malaysia, namun perhatian juga tertumpu kepada pengembangan sesebuah bandar tersebut yang telah menerima impak besar dari sejarah budaya dan kelaziman masyarakat Melayu yang merantau. Siak-Dungun atau dalam skala lebih besar lagi dan hubungan diplomatik, Indonesia dan Malaysia, terbina dan terikat dengan budaya pemikiran, politik, akal budi dan hati budi dengan pengalaman yang terkumpul sejak ribuan tahun dahulu. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini akan membincangkan diaspora Melayu yang melintasi Selat Melaka dan destinasi perayauan mereka sekitar Sungai Muar, Johor. Pengalaman berkongsi selat Melaka, menjadikan pantai dan Sungai Muar terdedah dengan proses perantauan dalam sejarah perantauan dan diaspora rumpun Melayu di Alam Melayu.

## **PERANTAUAN DAN PEMIKIRAN**

Kedatangan perantau rumpun Melayu dari beberapa wilayah Alam Melayu ke Tanah Melayu atau lebih dikenali sebagai Semenanjung Emas bukan satu fenomena baru. Seluruh etnik rumpun Melayu seperti masyarakat Bugis, Jawa, Banjar, Siak, Jambi, Aceh dan Minangkabau boleh ditemui beberapa negeri di Tanah Melayu.<sup>4</sup> Asalnya mereka mempunyai tanah atau wilayah leluhur sebelum merantau ke Tanah Melayu. Namun dengan memilih kehidupan merantau sebagai satu keperluan hidup, ia telah menyebabkan munculnya pemikiran filsafat tentang tanah leluhur dan rantau orang. Merantau amat dipandang tinggi sehingga di dalam amalan ini terkandung dan terdiri binaan sebuah budaya tradisi yang menyanjung tinggi perilaku si perantau. Merantau ke rantau orang, umpama mengutip maruah, wibawa, jati diri, pengalaman, ilmu dan sebagainya bagi membina peribadi diri. Di pihak lain, amalan merantau ini telah banyak

---

<sup>4</sup> Istilah perantau serumpun Melayu ditafsirkan oleh Jackson sebagai pendatang Melayu yang datang dari kepulauan Nusantara. Lihat R.M. Jackson, *Immigrant and the Development of Malaya, 1786-1920*, Government Printer, Kuala Lumpur, 1961. Lihat juga makna serumpun di dalam Asmah Haji Omar, 2005. *Sama Serumpun*, bahagian kata pengantar, Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Di Sumatera Barat, di kawasan induk masyarakat Minang ini, pertanian terlalu kurang dilakukan secara insentif dan terdapat halangan yang banyak ekoran pemilikan tanah pertanian yang berlapis-lapis. Pemilikan sebegini menimbulkan keraguan terhadap kuasa mengusahakan tanah dan percubaan untuk mendapatkan pulangan pertanian individu yang tinggi. Bentuk budaya ekonomi dan sosial ini berbeza dengan amalan petani-petani Jawa yang mampu mengusahakan sawah dengan lebih cekap dan produktif. Lihat pertanian Minangkabau dalam Elizabeth Graves, "The Ever-Victorious Buffalo: How the Minangkabau of Indonesia Solved their Colonial Question." Tesis Ph.D University of Wisconsin, hlm. 101-229, 1971. Clifford Geertz, 1968. *Agriculture Involution: The Process of Ecological Change in Indonesia*, cetakan ke-3, Universiti of California, Berkeley dan Los Angeles.

memberi kesan dampak khususnya terbentuk morfologi petempatan di beberapa negeri Melayu, termasuk di negeri Johor.

Di dalam kehidupan sosio budaya masyarakat Banjar misalnya, mereka memahami merantau di dalam istilah “*madam*” atau “*bamadaman*.” Istilah tersebut mengandungi prinsip dan konsep merantau yang terdapat di dalam kehidupan dan pemikiran penduduk di alam Melayu. Orang Banjar di negeri Johor telah membina petempatan dan sawah bendang terletak di sebuah kawasan seluas 800 ekar di Kuala Senagar, Batu Pahat.<sup>5</sup> Dalam masyarakat Jawa pula ada tradisi “*ngababakan*” yang menggalakkan penghijrahan ke tempat baru yang lebih bagus daripada kampung induknya. Kata dasar perkataan ini ialah “*babagan*.” *Ngababakan* ialah perlakuan “*belayar*” dengan meredah laut dan menjadikan sebarang pantai atau jeti yang ada ditemui sebagai pedoman daratan atau pelabuhan atau tanah baru.<sup>6</sup> Dari punca daratan baru itulah satu kawasan baru yang berhampiran dan suatu petempatan kehidupan baru dapat dibentuk semula.<sup>7</sup>

Beberapa istilah lain juga digunakan bagi menjelaskan dan merujuk tindakan berhijrah yang dilakukan oleh Orang Jawa ini seperti *ngelembara*, *boyongan* dan *minggat*.<sup>8</sup> Perkataan *Boyong* merujuk kepada kedatangan atau berpindah bersama-sama

---

<sup>5</sup> Yayasan Warisan Johor, 2008. *Masyarakat Banjar di daerah Batu Pahat*, PEWARIS, Yayasan Warisan Johor. Dokumentasi Masyarakat Banjar di Batu Pahat, naskhah tidak bercetak, 2008. Yayasan Warisan Johor. Lihat fail “Submitting an application made by Banjarese for an area of 800 acres at Kuala Senagar for purpose on wet rice cultivation.” *CLM&S* 23/1912. Lihat kajian tentang Orang Banjar oleh Musa bin Mantrak, “Sejarah Masyarakat Majmuk di Mukim VII, Batu Pahat 1900-1945.” Latihan Ilmiah, 1974/75, FSS, UM. Lihat taburan Orang Banjar di Malaysia, dalam E.H.G. Dobby, *The Malayan Journal of Tropical Geography*, vol. 6. Lihat taburan Orang Banjar di Malaysia, dalam E.H.G. Dobby, *The Malayan Journal of Tropical Geography*, vol. 6.

<sup>6</sup> Dalam bahasa Jawa penghijrahan begini dikenali sebagai ‘*ngababakkan*.’ Istilah ini merujuk kepada pendaratan Orang Jawa di kawasan-kawasan pantai. Kata dasarnya *babakan* bermakna jeti di sebuah pelabuhan yang berkeadaan terapung-apung di permukaan air. Melalui jeti tersebut perantau tadi boleh turun naik ke darat bagi tujuan urusan masing-masing. Lihat Bayu Surianingrat, 1985. *Pemerintahan Administrasi Desa dan Kelurahan*, edisi ke-3, Aksara Baru.

<sup>7</sup> Temubual dengan Tuan Haji Kasmon bin Basri di rumahnya di Bagan, Sri Merlong, Rengit, Batu Pahat Johor, pada 1 Mei 2007. Beliau merupakan generasi kedua dari pendatang serumpun dari Yogyakarta, Pulau Jawa, Indonesia. Kumpulan Orang Jawa dari Indonesia didapati mendiami kawasan pedalaman Rengit, Batu Pahat, Johor sehingga ke hari ini.

<sup>8</sup> Lihat Noriah Mohamed, “Masyarakat Keturunan Jawa Johor: Antara Ideal dan Realiti,” kertas kerja di Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, Yayasan Warisan Negeri Johor, Eden Garden Hotel, Johor Bahru, 3-6 Mei 2000. Lihat Khazin Mohd Tamrin, 1987. *Orang Jawa di Selangor: penghijrahan dan petempatan 1880-1940*, DBP, Kuala Lumpur. Lihat Na Tien Piet, 1896. *Shair Almarhoem Baginda Soelatan Abu Bakar di Negeri Johor*, Singapura. Lihat Tunku Samsul Bahrin, 1970. “The Indonesia immigrant and the Malays of West Malaysia: a study in asimilation an intergration” *Geographica*, vol. 6.

dengan keluarga. Kata *Minggat* pula menjelaskan tindakan melarikan diri dari kampung halaman ke tempat lain bagi tujuan menyelamatkan diri daripada sesuatu kejadian yang tidak diinginkan. Secara lateral *pemboyongan* dan *minggat* digambarkan sebagai perpindahan beramai-ramai dalam keadaan terpaksa. Ia selaras dengan prinsip kepemimpinan yang tergambar dalam *Negarakertagama* tulisan Prapanca yang menyebut dan membayangkan tindak balas rakyat berhijrah kerana faktor kemiskinan di dalam negara. Meskipun nada Prapanca dalam *Kitab Negarakertagama* lebih bernada memberi amaran kepada pemimpin Jawa tentang sebarang kemungkinan yang akan berlaku, namun amalan berhijrah seolah-olah dijadikan sebagai tradisi bagi mengatasi kemelut ekonomi dan politik Jawa.

Perantauan di Alam Melayu adalah satu amalan kehidupan bersama yang dikongsi dari segi falsafah dan amalan merantau. Jika wujud faktor-faktor yang berpunca daripada pemilikan sumber ekonomi yang kurang cekap di tanah leluhur mereka, tekanan politik kesukuan yang berteraskan kepada penguasaan sumber ekonomi masyarakat induknya selain tekanan politik nasional, itu merupakan sebab tambahan kepada amalan yang sudah lama berlaku. Masyarakat Bugis di Sulawesi “merantau” berpunca dari tindak balas kekacauan di tanah leluhur mereka di Sulawesi.<sup>9</sup> Keaktifan merantau dalam kalangan Orang Bugis menyebabkan mereka dianggap sebagai penjelajah yang amat menguasai jalan-jalan perdagangan di seluruh pesisir pantai, teluk dan rantau di Alam Melayu. Walaupun merantau berlatar belakangkan banyak perkara, namun di penghujung perantauan tersebut perantau amat cenderung, malah akhirnya menetap di sesuatu kawasan hingga mewujudkan sebuah petempatan dan masyarakat baharu. Dalam erti kata lebih tepat, merantau lebih khusus kepada mereka yang bermatlamat mencari satu tempat baharu yang lebih baik bagi menggantikan tempat kediaman sebelumnya.

Sebenarnya kecenderungan menetap kekal di sesuatu kawasan menjadi satu prinsip yang tersirat dalam konsep merantau. Sama ada Orang Minangkabau, Jawa mahupun Banjar, merantau yang dikatakan itu sebenarnya berpindah, mencari tempat baru dan menetap sama seperti perantau serumpun lain yang secara literalnya merujuk istilah “berhijrah.” Tingkah laku merantau atau apa sahaja perkataan yang merujuk

---

<sup>9</sup> Dalam tradisi Bugis, semangat dan aspirasi belayar dalam kalangan Bugis didakwa dicituskan oleh tokoh mitos-lagendaris Bugis-Makasar Sawerigading yang belayar dengan anaknya I La Galigo. Tradisi penjelajahan anak beranak ini dinyatakan di dalam *Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis*. Lihat Samsul Rijal Yahya, 2005. “Persepsi sosiobudaya masyarakat Bugis-Makasar.” Dalam Asmah Haji Omar, *Sama Serumpun*. UPSI, hlm. 141-151.

kepada merantau itu sendiri hanyalah dari sudut pandangan dalaman dari diri seorang perantau yang mengembara di dalam wilayah yang seagama, sebahasa, seadat resam dan sebudaya. Namun merantau samalah berhijrah juga, mencari tempat baru bagi membina kehidupan yang lebih baik dari yang dilalui di “tanah leluhur” mereka.<sup>10</sup> Di perantauan pula, hubungan perantau dengan tanah leluhur terus kekal dengan usaha mereka mengekalkan bahasa dan adat tradisinya. Dalam tempoh yang agak panjang, mungkin mengambil masa hayat dua hingga tiga generasi, petempatan perantau serumpun yang baru ini membentuk satu masyarakat yang sepadu dari segi susun atur petempatan, organisasi pakatan penduduknya dan membudayai beberapa cara hidup yang berbeza dari masyarakat induknya. Walau bagaimanapun, Mochtar Naim berpendapat perantauan Orang Minangkabau lebih merupakan merantau dan bukan migrasi kerana perantauan berlaku di dalam alam Melayu. Menurut Mochtar Naim, pergaulan perantau yang berbudaya rumpun dengan masyarakat lokal dari etnik lain melahirkan rasa jati diri perantau kerana ia menjadi golongan minoriti. Proses tersebut juga dikenali sebagai *sinkretisme*. Melalui proses ini, beberapa penyesuaian dan penambahan perkara yang berkaitan dengan adat, bahasa, norma-norma sosial dan pemikiran berlaku di antara budaya tempatan dan yang mendatang. Pengalaman ini banyak berlaku khususnya apabila berlaku pertembungan antara budaya tinggi dan rendah. Lazimnya budaya rendah akan akur kepada kekuatan budaya tinggi meskipun pada peringkat awalnya budaya rendah kelihatan berusaha mempertahankan dirinya.<sup>11</sup>

Pada peringkat awal ketibaan, perantau-perantau Jawa, Bugis, Banjar dan lain-lain, mereka cenderung mengamalkan peraturan hidup di tanah leluhur mereka di petempatan baharu. Amalan berterusan masyarakat perantau berpunca dari sikap keterbukaan Orang Melayu tempatan yang menerima kehadiran mereka. Tanpa mengira siapakah mereka sama ada siapa, Jawa, Bugis atau Banjar, integrasi budaya dan sosialisasi mereka dengan penduduk tempatan berlaku melalui perkahwinan dan perhubungan pertuturan seharian. Pergaulan dalam bentuk kekeluargaan menyebabkan

---

<sup>10</sup> Lihat kajian lain yang mengupaskan pengertian merantau yang dianggap menyerupai merantau Orang Minangkabau di dalam masyarakat Batak-Sumatera, C.E. Cunningham, 1958. *The Postwar Migration of the Toba – Bataks to East Sumatra*. Cultural Reports Series, Southeast Asia Studies, Yale University, New Haven; juga lihat kajian oleh E.M. Bruner, (1972), “Batak Ethic Association in three Indonesia cities”, *Southwestern Journal of Anthropology*, Vol. 28, No. 3. Lihat juga R.W. Liddle, 1970, *Ethnicity, party and national integration: an Indonesia case study*, New Haven, Yale University Press.

<sup>11</sup> Lihat Mochtar Naim, 1984. *Merantau : pola migrasi suku Minangkabau*.

mereka mudah terserap ke dalam struktur masyarakat tempatan. Kawasan petempatan bertambah luas kerana keluarga perantau yang sudah bersemenda dengan orang tempatan akan mendirikan kediaman di kawasan baru yang belum diduduki oleh orang lain.<sup>12</sup> Pengelebaran keluasan sempadan kampung juga akan berlaku sama ada secara merebak ataupun kawasan petempatan sedia ada semakin sendat dengan pertambahan bilangan penduduk. Corak kediaman yang dipengaruhi oleh hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan dibina berlapis-lapis ataupun sebelah menyebelahi antara satu sama lain di atas sebidang tanah atau kawasan yang sama.

Merantau akhirnya tidak lagi mengembara atau berkelana, sebaliknya merantau bermakna berpindah dan meninggalkan tanah leluhur dan semakin luntur budaya induknya bagi digantikan dengan budaya yang lebih bersesuaian dengan konsep “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.” Pengalaman ini telah dilakukan oleh golongan Bugis “berketurunan” yang menyerapkan diri mereka ke dalam struktur politik, adat dan bahasa masyarakat Melayu. Persemendaan Bugis berketurunan ini ke dalam politik Melayu Johor pada 1722 membuka laluan dan episod baru mereka di empayar Johor dan negeri-negeri Melayu. Mereka tetap berbangga sebagai Orang Bugis tetapi dalam masa yang sama mereka lebih suka mengakui diri mereka sebagai Melayu.<sup>13</sup> Mereka melakukannya semata-mata untuk menjadi masyarakat tempatan atau Melayu dan bukan dilihat sebagai perantau apatah lagi dianggap Bugis totok.<sup>14</sup>

Sesuai dengan maksud menguasai Selat Melaka dan perairan sebagai jalan pengangkutan utama, fenomena ketibaan perantau dan membuka kawasan petempatan

---

<sup>12</sup> Beberapa keluarga di kawasan Parit Pinang Seribu, Parit Pulai, Parit Haji Ali di Muar Johor adalah berketurunan dari tiga beradik Mohammad Hassan bin Ibrahim, Suhot bin Ibrahim dan Bidin bin Ibrahim yang berhijrah dari Siak, Pulau Sumatera sekitar penghujung abad ke-19. Pusara Mohammad Hasan bin Ibrahim boleh ditemui di Parit Samsu, Jalan Abd. Rahman, Muar, Johor. Antara keturunan mereka ialah Hajah Rahmah binti Abdul Samad bin Yaakob bin Mohammad Hassan bin Ibrahim, seorang pesara guru berumur 67 tahun. Geran tanah petempatan milik Mohammad Hassan di Kampung Parit Pinang Seribu bertarikh 1928. Tarikh begini bukan menunjukkan tarikh pendaratan tetapi ia kemungkinan proses pendaftaran mukim di bawah *Undang-undang Tanah 1910*. Temubual dengan Hajah Rahmah bin Abdul Samad di Parit Pinang Seribu, Jalan Abdul Rahman, Muar pada 10 Julai 2007. Md. Akbal bin Abdullah, “Sejarah dan Perkembangan Parit Pinang Seribu”, dalam Embong Yahya, Yahya Abu Bakar dan Kassim Thukiman, 2001. *Menelusuri Sejarah Tempatan Johor*, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru.

<sup>13</sup> Lihat kajian oleh Mardiana Nordin, 2008. *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru.

<sup>14</sup> Lihat artikel Md. Akbal bin Abdullah, “Pemelayuan: Pengalaman Etnik Bugis di Johor berdasarkan Naskhah-naskhah Melayu Johor” dalam Asmah Omar, 2006. *Sama Serumpun*, Institut Peradapan Melayu, UPSI, Tanjung Malim.

baru pada abad ke-18 di kawasan bertebing, pantai dan kuala banyak dilakukan. Hal sedemikianlah yang telah berlaku di kawasan pantai Muar dan Batu Pahat yang menjadi tumpuan kedatangan perantau Melaka dari sebelah utara negeri Johor. Mereka membina petempatan di sekitar kawasan sungai yang banyak bergantung kemudahan kepada kewujudan jalan air dan menjalankan urusan niaga. Kebiasaan di muara-muara sungailah terdapat jeti pendaratan utama dan di situ juga terdapat pelabuhan yang memainkan peranan sebagai pusat perkumpulan barangan dari hulu-hulu sungai. Di kawasan pedalaman sungai, petempatan dibentuk oleh perantau dari alam Melayu seperti Orang Jawa dan Minangkabau yang lebih gemar menjalankan kegiatan bercucuk tanam. Pengalaman di tanah leluhur menyebabkan mereka lebih memilih kawasan hulu sungai dan pedalaman bagi membuka kebun-kebun sayuran. Kebanyakan kebun mereka ditanam dengan padi sawah dan pokok buah-buahan, dan zon pertanian pindah yang terletak antara dasar lembah dengan kawasan hutan pedalaman.<sup>15</sup> Petempatan yang jauh dari pantai juga disebabkan mereka tidak mahu kebun yang mereka usahakan terjejas akibat fenomena pasang surut air laut.

## **DAERAH MUAR**

Penghujung abad ke-19 sudah terdapat petempatan-petempatan di sepanjang pesisir pantai Muar dan ke hulunya Sungai Muar. Pembentukan petempatan dapat dikesan di pesisiran pantai dan kampung-kampung di muara Sungai Muar hingga ke Tanjung Tohor berdekatan Sri Menanti.<sup>16</sup> Beberapa perkampungan Melayu dikenalpasti wujud berdasarkan nama-nama kampung seperti Bandar Maharani, Padang, Parit Jawa, Sungai Balang, Sri Menanti, dan Sungai Pulai. Pertengahan abad ke-19 lagi, di kawasan pesisiran pantai, Sungai Kesang dan Sungai Chohong dan beberapa kampung seperti Payamas,

---

<sup>15</sup> Lihat S. Robert Aiken dan rakan-rakan, 1994. *Pembangunan dan Persekitaran di Semenanjung Malaysia*, (ter.), Sulong Mohamad, DBP, Kuala Lumpur, hlm. 123.

<sup>16</sup> Kawasan yang dikatakan Muar dahulu merupakan satu kawasan yang memanjang dari kuala Sungai Muar membawa ke kawasan hulu Muar atau dikenali Segamat. Lihat Abdul Malek Munip, "Sejarah Awal Muar" dalam *Malaysia dari Segi Sejarah, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, April 1979, hlm. 3. Lihat juga Haji Khamis bin Juned, "Parit Sakai, Muar" dalam 2001. *Menelusuri sejarah tempatan Johor*, Yayasan Warisan Johor, hlm. 176. Lihat *PETA negeri Johor 1904 dan 1907*. ANM Johor. Di dalam *Syair Orang Jawi* yang dikarang pada 1903 di Muar, menyebut beberapa petempatan dan perkampungan boleh ditemui di kawasan ini seperti Bandar Maharani, Pagoh, Padang, Kesang, Kampung Jawa/Baru, dan Bakri. Lihat juga naskhah *Syair Orang Jawi*, Haji Mohammed Noh bin Hj. Muhammad, 1903, SP. 29. ANM Johor. Lihat *List Perkara Majlis Muafakat Dewan*, bertarikh 26 Julai 1911, bil. 11.

Sialang, Bekoh dan Relau merupakan kampung-kampung yang telah wujud, mungkin lebih awal lagi di Tangkak.<sup>17</sup>

## PADANG

Padang terletak di sebelah selatan tebing Sungai Muar bermula dari Parit Pinang Seribu hingga ke Parit Sakai.<sup>18</sup> Semua kampung yang terletak di muara anak sungai ini boleh dimasuki air laut ketika air pasang dikenali "parit." Padang kurang ditonjolkan dari segi politik dan sosial ketika zaman Melaka. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna Padang seolah-olah sepi dari aktiviti kemanusiaan. *Tome Pires* dalam *Suma Oriental*, menyebut satu kawasan bernama *Padao* yang berkedudukan di sebelah selatan tebing Sungai Muar dan menganjur di sepanjang pesisir pantai menghadap Selat Melaka. Sewaktu pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1489-1511), Padang telah diperintah oleh seorang pegawai istana Melaka bernama Tun Abu Said yang bergelar Orangkaya Padang.<sup>19</sup> Di selatan kawasan itu terletak satu puncak bukit dikenali sebagai Bukit Mor, di Parit Jawa.<sup>20</sup> Sebelum 1900 sudah terdapat 13 buah kampung dalam kawasan Padang, Muar.<sup>21</sup>

Antara petempatan awal yang terbentuk di Padang ialah Kampung Parit Sakai atau nama asalnya Parit Siput. Perkataan "Sakai" diambil dari kerja-kerja menyakai harta Orang Padang yang tinggal di Parit Siput oleh lanun-lanun yang senantiasa berlegar di

---

<sup>17</sup> Dalam *Muar Paper 1879-1880* dicatatkan maklumat tentang kampung ini dengan menyebut terdapat 20 buah pondok kecil. *Muar Paper 1879-1880*, hlm. 78. Lihat juga Mohd Azian Mohd Som, "Sejarah Tangkak 1850-1941", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1994/95.

<sup>18</sup> Kawasan ini merupakan kawasan petempatan tua. Antara kampung tersebut ialah Parit Sakai, Parit Keroma, Parit Besar, Parit Raja, Parit Bakar, Parit Punggur, dan Parit Pinang Seribu. Newbold mengatakan Padang merupakan satu kawasan di Muar, terletak di bahagian Timur dari Parit Siput ke kawasan Parit Pinang Seribu. Abdul Malek Munip, "Sejarah Awal Muar" *Malaysia dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, April 1979, hlm. 3. Lihat Haji Khamis bin Juned, "Parit Sakai, Muar" 2001, *Menelusuri sejarah tempatan Johor*, Yayasan Warisan Johor, hlm. 175-200.

<sup>19</sup> Yahya Bakar, Mahmood Embung dan Kassim Thukiman, 2003. *Menelusuri Sejarah Tempatan Johor*, Yayasan Warisan Johor.

<sup>20</sup> Sebutan Padang sebagai *Padao* adalah lebih kerana telur dan ketiadaan bunyi "ng" yang terdapat dalam bahasa Portugis. Lihat Md. Akbal bin Abdullah, *Sultan Alauddin Riayat Syah 1477-1488: Rahsia di sebalik kemangkatannya*. Lihat juga Abdullah Munsyi, peny. Kassim Ahmad, 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah, Fajar Bakti*, Kuala Lumpur.

<sup>21</sup> Hari ini kawasan Padang lebih dikenali sebagai Mukim Parit Bakar, mengambil sempena nama dan peranan Orangkaya Abu Bakar yang memajukan Parit Bakar, Muar.



kuala Sungai Muar.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, kedudukan kawasan yang dikenali sebagai Parit Siput itu terletak lebih ke pantai, tetapi berada jauh daripada kuala. Pertambahan penduduk menyebabkan petempatan kampung ini semakin memanjang ke daratan. Oleh sebab itu, pembinaan kawasan kediaman di sekitar tebing parit itu semakin dipanjangkan menghala lebih ke daratan atau pedalaman Padang.<sup>23</sup> Kebanyakan buruh yang melakukan kerja-kerja menggali parit dikatakan sakai atau hamba raja.<sup>24</sup> Hubungan sakai atau wakil raja di kawasan Padang ini boleh dijelaskan melalui sikap perhatian istana terhadap pergolakan yang berlaku di sini. Sakai yang dianggap sebagai orang-orang asli laut selalu berulang alik dari Muar ke Merlimau. Sakai juga dikatakan suku orang laut yang menaburkan bakti kepada Tok Maimon Orangkaya Derma peneroka awal Padang sekitar 1700. Kedudukan kawasan Padang yang istimewa dan perkampungan sekitarnya boleh dibuktikan pada 1871 apabila Dato' Muhammad Salleh bin Perang atau Dato' Bentara Luar dan Ungku Abd Rahman, wakil rasmi Raja telah melawat bagi tujuan menyelesaikan beberapa isu percukaian dan kepemimpinan di sana. Lawatan ini membabitkan pegawai berpangkat Residen Muar bernama Wan Andak dan penolongnya Mohamad Amin.<sup>25</sup>

Dalam kes lawatan kerja pembesar Johor dan wakil rasmi raja ke Padang, perkara utama dalam misi kedatangan mereka ialah menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan cukai dan tanah. Cukai di Padang dikutip daripada hasil kerja-kerja menghidupkan tanah seperti membina petempatan dan bercucuk tanam. Akhirnya cukai yang dikenakan terhadap hasil keluaran tanah adalah bukti pembangunan sedang berlaku. Peraturan tanah yang mengenakan, mengutip dan membayar cukai dari hasil tanah sama ada dari pemilik tanah ataupun penyewanya dan kerja-kerja menghidupkan tanah adalah bukti perkaitan

---

<sup>22</sup> Panggilan Parit Siput ada kaitan dengan kawasan hutan bakau di kawasan ini yang terdapat banyak siput yang diminati oleh orang-orang di Bandar Maharani. Makluman ini diperoleh dari Bilal Haji Shahadan, bilal tua Masjid Parit Kurma, Jalan Temenggung Ahmad, Muar. Temubual dengan Tuan Haji Khamis Junid.

<sup>23</sup> Di dalam geran tanah yang dikeluarkan oleh pejabat pesuruhjaya Muar menyatakan Parit Sakai disebut Parit Sakai Lama dan Parit Sakai Baru. Lihat geran tanah yang didaftarkan pada 1896 milik koleksi Tuan Haji Khamis Juned, cucu kepada Haji Jamaluddin. Terlampir sama surat akuan membuka kebun di kawasan Parit Sakai lama.

<sup>24</sup> Dalam *Syair Orang Jawi*, sakai digunakan bagi merujuk orang Asli di hulu Muar, lihat *Syair Orang Jawi*, hlm. 7. Lihat Haji Khamis Junid, "Parit Sakai Muar," hlm. 175-200.

<sup>25</sup> Lihat Abdullah Munsyi, peny. Kassim Ahmad, 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Lihat juga Abdul Malik Munip, 1984. *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1924: Peribumi dan Pemodenan*, Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara, Kuala Lumpur.

jelas antara pentadbiran tanah di negeri Johor dengan petempatan penduduk di Padang dalam proses membangunkan kawasan.

## PARIT JAWA

Di selatan Padang, terdapat sebuah petempatan besar yang telah dibuka oleh sekumpulan perantau Jawa antara 1860-1871 dikenali sebagai Kampung Baharu atau Kampung Parit Jawa.<sup>26</sup> Petempatan di sini diketuai seorang ketua bergelar Penghulu Haji Jabbar. Kampung Baharu ini sangat subur dan ini menggalakkan kemasukan Orang Jawa lain.<sup>27</sup> Seramai 12,000 Orang Jawa telah membuka petempatan di kampung Parit Jawa, Muar.<sup>28</sup> Walau bagaimanapun, pada 1927 jumlah mereka di Parit Jawa hanya tinggal 5,790 orang sahaja. Pengurangan ini ada kaitan dengan pergerakan mereka ke kawasan lebih ke darat pedalaman.<sup>29</sup> Pergerakan melebar ke pedalaman juga ada kaitan dengan pembukaan kawasan-kawasan baru di sebelah bahagian “darat” kerana proses pendaftaran hak milik tanah berkeluasan kurang 10 ekar dalam *Daftar Mukim* sedang giat dilakukan. Sungguhpun tindakan kerajaan meminta setiap tanah yang diduduki itu didaftarkan dengan segera, namun langkah kerajaan melanjutkan tempoh mendaftar tanah ceroboh didapati merangsangi pergerakan Orang Jawa mencari kawasan baru ke kawasan lebih ke pedalaman yang meliputi kawasan darat Mukim Seri Menanti dan Parit Jawa. Oleh sebab itu, dengan keadaan kawasan tanah yang masih luas dan belum mempunyai, peluang ini diambil oleh perantau serumpun tersebut bagi memperoleh geran-geran tanah hak milik kekal di kawasan yang mereka terokai.

Perantau Jawa kebanyakannya menyusup masuk dari Parit Jamil, Sri Menanti, Parit Nipah, dan kawasan yang berhampiran. Akibatnya guna tanah di kawasan ini semakin melebar ke selatan, utara dan kawasan lebih pedalaman. Pada tahun 1871, kerja-

---

<sup>26</sup> Lihat Muhammad Ibrahim Munsi, 1956. *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim 1871-1872*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor Bahru, hlm. 18.

<sup>27</sup> Lihat *Syair Abdul Rahman*, Koleksi Manuskrip di ANM Johor, SP 26.

<sup>28</sup> *General Adviser 78/1912*, ANM Johor. Lihat juga Mohd. Fadzil Othman, 1980. *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsi*, KL. DBP, hlm. 17.

<sup>29</sup> Lihat *Syair Abdul Rahman*. Halaman 22. SP 29/1/1-15, Arkib Negara Malaysia, Cawangan Johor. Lihat juga Haji Norashid bin Mohamed Yasin, *Syair Abdul Rahman: Menurut Perspektif Kearkiban*. 20 Jun 2005.

kerja penggalian parit baru bagi menyambung alur air di kuala sungai telah dilakukan. Pengelebaran kawasan menyebabkan pembentukan beberapa kawasan baru bagi tujuan petempatan seperti Parit Samsu, Parit Kassim, Parit Seri, Parit Gantung hinggalah ke Parit Jamil.<sup>30</sup> Dari Parit Jamil ini, jaluran kampung-kampung tersebut bersambung dengan petempatan di Mukim Sri Menanti hingga ke Tanjung Tohor. Pada 1911, beberapa petempatan di selatan Parit Jawa mempunyai kepimpinan penghulu sendiri seperti Penghulu Haji Hassan Taib, di Parit Jamil, Penghulu Haji Johar di Seri Menanti, Penghulu Haji Salleh bin Rabu di Tanjung Tohor dan Penghulu Sulaiman di Sungai Pulau. Penghulu Haji Johar digantikan anaknya Haji Abd. Rahman yang mulai menjalani percubaan memangku jawatan penghulu pada 1927. Penghulu Taib yang membuka Parit Jamil pula digantikan oleh anaknya bernama Penghulu Haji Hasan.<sup>31</sup> Pada 1914, kerja-kerja mengukur tanah seluas 250 jalor di kawasan Parit Samsu dimulakan bagi menyediakan geran ekoran permohonan yang dikemukakan oleh 150 orang perantau. Permohonan di Parit Sambu adalah permohonan mendapatkan geran tanah kerana menduduki kawasan dan ingin membina petempatan.<sup>32</sup>

## PERANTAU JAWA DAN HULU MUAR

Berdasarkan *Daftar Orangkaya Johor 1927*, kawasan-kawasan di hulu Sungai Muar seperti Gersik, Panchur, Pagoh, Kundang, Lenga, Durian Condong dan Bukit Kepong merupakan antara kawasan yang sudah lama bertapak dan dikenali. Majoriti daripada mereka adalah perantau dan peneroka Jawa. Sebilangan daripada mereka bekerja di ladang-ladang getah milik orang-orang Eropah seperti Estet Lanadron seramai 1,279, Estet Nordanal 722 orang, dan Estet Tanjung Olak 410 orang. Walau bagaimanapun, jumlah mereka yang bekerja di ladang-ladang tersebut semakin berkurangan dan

---

<sup>30</sup> Tentang pembukaan Parit Jamil boleh diteliti pada catatan Tuan Haji Jaafar Haji Taib, 1938. *Ringkasan Tawarikh Allahyarham Haji Taib Osman, Penghulu Kampung Jamil*, Muar. Dalam SP.7/87, ANM Johor.

<sup>31</sup> Lihat *Daftar Penghulu-Penghulu dalam negeri Johor 1882-1922*, dan *Daftar Nama Orang-orang Kaya Penghulu dan Naib Penghulu bagi Johor 1927*. Lihat juga *Daftar bagi nama Orangkaya-Orangkaya, Penghulu-penghulu dan Naib Penghulu bagi Johor dan daerahnya 1934*, dalam *SUK 4 ANM Johor*. Terlampir sama senarai, tarikh tauliah dikurniakan dan jumlah gaji.

<sup>32</sup> Lihat fail "Applies for a grant over 250 jalors of land at Parit Samsu." *Supt. Of Survey 507/1914*; juga fail *CLR 106/13* dan fail *CLM 364/1914*. Terlampir sama pelbagai surat permohonan dari Haji Abdul Shukur, pelan tanah yang telah diracik. Terlampir sama pelan lot yang diluluskan.

digantikan oleh buruh-buruh dari India.<sup>33</sup> Ketibaan buruh India telah menyebabkan kedatangan peneroka dan perantau Jawa ke negeri Johor bukan lagi untuk bekerja di ladang-ladang getah, sebaliknya mereka cenderung membuka kawasan petempatan di kawasan hulu Sungai Muar berhampiran dengan ladang tempat asal mereka bekerja.

Jumlah penduduk di hulu Sungai Muar pada 1927

Daerah	Bil. Penduduk
Gersik	15 000
Serom	25 000
Panchur	3,000
Pagoh	2,800
Lenga	1,783
Durian Chondong	1,100
Bukit Kepong	800
Kundang Ulu	800

Sumber : *Daftar Orangkaya Johor 1927. SUK 4*

Berdasarkan Jadual 5.3 di atas, pada 1927 jumlah keseluruhan penduduk yang tinggal di beberapa petempatan di hulu Sungai Muar dianggarkan seramai 50,000 orang. Beberapa kawasan utama yang menjadi tumpuan Orang Jawa ialah Serom (25,000), Gersik (15,000), Panchur (3,000), Pagoh (2,800), Lenga (1,783), Durian Chondong (1,100), Bukit Kepong dan Kundang Ulu (800).<sup>34</sup> Kebanyakan peneroka Jawa menumpukan hulu Sungai Muar kerana Sungai Muar mudah dimudeki sehingga ke hulunya. Di hulu Muar juga pada 1902 sudah terdapat dua buah ladang getah utama iaitu Lanadron dan Nornadal. Kebanyakan mereka berkerja di estet-estet tersebut. Namun akhirnya mereka meneroka kawasan hutan berhampiran estet tempat mereka bekerja dan membentuk petempatan

<sup>33</sup> Lihat *Returns of Labour Force on Estates of Member of the Johor Planter's Association*, 31 Disember 1939.

<sup>34</sup> *SUK 4. Daftar Orangkaya Johor 1927.*

dikenali sebagai Serom, Gersik dan Panchur, Pagoh, Lenga, Durian Chondong, Bukit Kepong dan Kundang Ulu.

### **PERWATAKAN SERUMPUN DAN ETNIK ASING DI MUAR**

Kehadiran perantau bersama orang asing di Muar telah menyebabkan Muar khususnya Bandar Maharani berkembang dengan pesat. Perbauran etnik serumpun dan asing menonjolkan kerencaman budaya dan pemikiran antara mereka. Berdasarkan *Syair Orang Jawi*, nukilan Haji Mohammad Noh bin Haji Muhammad Bakri, gambaran kerencaman budaya dan persepsi antara etnik di Muar pada penghujung abad 19 dan awal 20 boleh kita fahami dan hayati.<sup>35</sup>

<i>Arab sini hidung tinggi</i>	<i>Melayu semua tuan</i>
<i>Orang Jawa dibuat kuli</i>	<i>Disuruh berkebun dalam hutan</i>
<i>Orang Cina panggilan baba</i>	<i>Jadi saudagar dalam pekan</i>
<i>Buat lombong buka kangkar</i>	<i>hasil keluar berkoyan-koyan</i>
<i>Orang India jadi ceti</i>	<i>Menjual kain digelar malbari</i>
<i>Hutan Melayu senang dikasi</i>	<i>Dapat tanah sudah pasti</i>
<i>Orang Minang banyak ke sini</i>	<i>Membuka sawah berdagang sendiri</i>
<i>Jadi senang banyak yang iri</i>	<i>Bomoh dan pawang mainan sehari</i>
<i>Inilah cerita penghibur hati</i>	<i>Mengenang diri perantau jati</i>
<i>Untuk diingat anak bini</i>	<i>Jadi Melayu merendah diri</i>
<i>Anyam ketupat pusaka Jawa</i>	<i>Jadi Melayu di hari raya</i>
<i>Melayu Johor Melayu bijaksana</i>	<i>semua umat asal Melayu semuanya</i>
<i>Orang Melayu teguh beragama</i>	<i>Kuat dengan adat resam</i>
<i>Semua orang suka bersama</i>	<i>Asal Melayu beragama Islam</i>

<sup>35</sup> Lihat Naskhah *Syair Orang Jawi*, Haji Mohammad Noh bin Haji Muhammad Bakri, SP29/1/1-27, Arkib Negara Malaysia

## **PENUTUP**

Diaspora Melayu di Alam Melayu adalah satu bentuk tradisi petempatan rumpun Melayu yang melangkaui sempadan geografi politik, budaya dan pemikirannya. Kawasan-kawasan yang pantai Selat Melaka yang saling berhadapan dan setentang antara satu sama lain menjadi pintu keluar masuk yang utama kepada perantau. Jawa, Bugis, Banjar, Siak, Kampar, Jambi, dan seumpamanya, adalah sebahagian dari rumpun Melayu yang mudah ditemui di sini, Malaysia amnya, di Muar khususnya. Dalam kalangan mereka ada yang masih mengekalkan budaya dan bahasanya, dan ada juga yang semakin hilang budaya induknya kerana semakin menjadi orang tempatan. Waima siapa mereka yang merantau asalnya, kehadiran mereka pada asalnya diterima sebagai saudara mara dan menjalani kehidupan seperti orang tempatan. Malahan, yang merantau dilihat lebih ampuh dalam kehidupan mereka kerana faktor rajin dan mengisi ruang yang tersedia ada.